

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan																					
		Semakan Perunding	Semakan Jabatan	Semakan Perunding	Semakan Jabatan																		
D	<u>SYARAT-SYARAT KHUSUS</u>																						
	JALAN																						
1.	Bagi jalan dan parit yang hendak diserahkan kepada Kerajaan, pihak perunding perlu menyatakan dengan jelas di atas pelan agensi yang bertanggungjawab untuk menyelenggara jalan dan parit tersebut.																						
2.	Bagi jalan yang terletak di tepi tembok, dan kawasan pemotongan yang tinggi sediakan pagar pengadang, butir-butir mengenainya perlulah dikemukakan.																						
3.	Jalan susur selebar 12.192m hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya 7.315m lebar laluan dua hala tidak termasuk petak meletak kereta, parit dan lain-lain struktur																						
4.	Sila nyatakan nama Jalan berlulus/huruf atau angka bagi memudahkan jalan-jalan yang dicadangkan dikenalpasti.																						
5.	Sila kemukakan pelan butiran lengkap petak letak kereta (TLK) mengikut saiz yang di cadangkan seperti berikut: <table border="1"><thead><tr><th>Bil</th><th>Jenis TLK</th><th>Saiz TLK</th></tr></thead><tbody><tr><td>i</td><td>Parallel</td><td>6.000m x 2.440m (20' x 8')</td></tr><tr><td>ii</td><td>30⁰</td><td>4.878m x 2.440m (16' x 8')</td></tr><tr><td>iii</td><td>45⁰</td><td>4.878m x 2.440m (16' x 8')</td></tr><tr><td>iv</td><td>60⁰</td><td>4.878m x 2.440m (16' x 8')</td></tr><tr><td>v</td><td>90⁰</td><td>4.878m x 2.440m (16' x 8')</td></tr></tbody></table> Setiap ukuran hendaklah ditunjukkan dengan lengkap dan jelas di atas pelan tidak termasuk struktur parit dan lain-lain.	Bil	Jenis TLK	Saiz TLK	i	Parallel	6.000m x 2.440m (20' x 8')	ii	30 ⁰	4.878m x 2.440m (16' x 8')	iii	45 ⁰	4.878m x 2.440m (16' x 8')	iv	60 ⁰	4.878m x 2.440m (16' x 8')	v	90 ⁰	4.878m x 2.440m (16' x 8')				
Bil	Jenis TLK	Saiz TLK																					
i	Parallel	6.000m x 2.440m (20' x 8')																					
ii	30 ⁰	4.878m x 2.440m (16' x 8')																					
iii	45 ⁰	4.878m x 2.440m (16' x 8')																					
iv	60 ⁰	4.878m x 2.440m (16' x 8')																					
v	90 ⁰	4.878m x 2.440m (16' x 8')																					
6.	Rekabentuk jalan dan tempat meletak kereta adalah seperti berikut: a) 300mm tebal lapisan bawah jalan dengan batu-bata berukuran 50mm b) 65.0mm tebal lapiran "asphaltic concrete binder course" (ACW 28) c) 50mm tebal lapisan "asphaltic concrete wearing course" (ACW 14) d) 50mm baru muka																						
7.	Menyediakan bonggol jalan di jalan utama ditempat yang bersesuaian mengikut rekabentuk dan spesifikasi MBSP dan diselaraskan dengan kedudukan lampu jalan.																						

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan			
		Semakan Perunding	Semakan Jabatan	Semakan Perunding	Semakan Jabatan
8.	Untuk mengelak kesesakan lalulintas di atas jalan utama/servis cadangkan satu pintu masuk/ keluar sahaja				
9.	Semua butir-butir yang ditunjukkan di atas pelan cadangan tapak dengan keratan memanjang / melintang perlulah diseragamkan				
10.	Sila cadangkan tembok penahan selari dengan lot dan diselaraskan dengan pelan kerja tanah				
11.	Jurutera Perunding hendaklah mengkaji untuk mengadakan cadangan parit pemintas (<i>slot drain</i>) di jalan untuk mengelak air larian bertakung diatas jalan				
12.	Sila sediakan 'Guardrail' dipenghujung jalan Cul-de-sac				
13.	Pemohon dikehendaki membina pondok bas berserta bas 'lay by' berhadapan lot untuk setiap arah atau membina pondok bas baharu menggantikan pondok bas sediaada di mana-mana tempat di Seberang Perai mengikut Garis Panduan Pondok Bas berlulus.				
14.	Pondok bas yang di bina perlu disambungkan ke pembangunan dengan menyediakan laluan pejalan kaki mengikut rekabentuk sejagat (<i>universal design</i>)				
15.	Cadangan bahu jalan hendaklah dari jenis <i>broom finish</i> atau setara.				
16.	Laluan pejalan kaki selebar 1.5m perlu disediakan mengikut rekabentuk 'Universal Design'. Perincian bagi 'ramp' dan cadangan 'tac tile' perlu di tunjukkan di atas pelan				
17.	Cadangan parit erong (<i>scupper pipe</i>) berdiameter minima 200mm bagi jalan di dalam kawasan perumahan.				

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan			
		Semakan Perunding	Semakan Jabatan	Semakan Perunding	Semakan Jabatan
18.	Pemohon dikehendaki mengemukakan sesalanan pelan sediada bagi laluan utiliti semasa mengemukakan pelan jalan dan parit. (pelan ini hendaklah disediakan dalam satu (1) pelan berasingan dengan menandakan semua utiliti yang berada di dalam rezab jalan JKR/MBSP. (Jika berkaitan)				
19.	Bagi jalan 66 kaki dan ke atas, laluan pejalan kaki perlulah mempunyai kelebaran sekurang-kurangnya 1.5meter dan dari jenis konkrit. Walau bagaimanapun jika rezab bahu jalan yang berkelebaran kurang 1.5 meter maka kelebaran minima laluan pejalan kaki 1.2 meter adalah dibenarkan. Sebarang utiliti seperti lampu jalan, <i>feeder pillar</i> , paip bekalan air dan lain-lain tidak dibenarkan berada di atas laluan pejalan kaki tersebut bagi tujuan penyediaan aksesibiliti OKU.				
20.	Perunding perlu mengesahkan bahawa semua rekabentuk di dalam pelan jalan parit telah mematuhi aspek rekabentuk sejagat (<i>universal design</i>) dimana pemohon dikehendaki mengemukakan pelan aksesibiliti yang menunjukkan halangan-halangan terhadap aksesibiliti oku dan penyelesaian bagi setiap halangan tersebut. Pelan aksesibiliti ini perlu disediakan di dalam satu (1) helaian pelan yang berasingan.				
21.	Pemaju perlu menyediakan laluan basikal / pejalan kaki berkelebaran 3 meter. Laluan tersebut perlu bersambung dengan setiap kejuranan dan pusat aktiviti. Laluan untuk kemudahan ini hendaklah menggunakan konkrit <i>broom finish</i> atau setara.				
22.	Sebarang utiliti seperti lampu jalan, pokok landskap, feeder pillar, paip bekalan air dan lain-lain tidak dibenarkan berada di atas tempat letak kereta				
23.	Pemohon dikehendaki mengemukakan pelan cadangan dewan, gerai, tadika dan pasar untuk ulasan jabatan sebelum pembinaan.				

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan			
		Semakan Perunding	Semakan Jabatan	Semakan Perunding	Semakan Jabatan
	<u>PEMARITAN</u>				
24.	Semua parit-parit cadangan dan parit utama ditempat yang bersesuaian bersertakan arah aliran, kecerunan dan saiz.				
25.	Perunding dikehendaki menyediakan parit konkrit di sekeliling cadangan pembangunan/sempadan lot supaya air tidak dapat mengalir ke lot bersebelahan				
26.	Kemukakan beberapa keratan rentas dari lot cadangan ke lot-lot bersebelahan dengan jelas.				
27.	Sediakan perangkap minyak/sampah/ kelodak c/w trash screen lengkap dengan 'concrete perforated trough' di penghujung parit sebelum menyalur ke kolam tadahan/parit buangan monson/sungai.				
28.	Pemohon dikehendaki membina bahagian parit di bawah pelan induk pamaritan yang berhadapan, bersebelahan dengan lotnya atau mengalir menyeberangi lotnya (merujuk pelan induk kawasan tersebut dan mengikut butir-butir pelan rekabentuk MBSP). Rekabentuk parit perlu ditukar kepada jenis konkrit bertetulang.				
29.	Kedudukan aliran parit tepi jalan berhadapan jalan perlulah diletakkan di tepi rezab pelebaran jalan agar tidak mengganggu kerja-kerja pelebaran pada masa hadapan. Garisan pelebaran (ROW) tersebut hendaklah ditunjukkan di atas pelan.				
30.	Butir-butir kawalan pengaliran air keluar/masuk ke kolam tadahan hendaklah ditunjukkan dengan jelas dalam pelan.				
31.	Sila kemukakan butiran terperinci tapak tahanan/tahanan air, saiz paip keluar dan juga kiraan hidraulik bagi kolam tahanan air. Aras dasar kolam hendaklah lebih tinggi dari parit buangan bagi kolam jenis kering.				

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan			
		Semakan Jabatan	Semakan Perunding	Semakan Jabatan	Semakan Perunding
	LAIN-LAIN PERKARA				

DI SEMAK OLEH PEGAWAI JABATAN KEJURUTERAAN :

.....